



KENYATAAN MEDIA

MAJLIS PERJUMPAAN DAN AMANAT SEMPENA SESI LAWATAN KERJA RASMI YB DATUK AARON AGO DAGANG, MENTERI PERPADUAN NEGARA KE NEGERI JOHOR

3 Februari 2023, Johor Bahru—YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah mengadakan sesi lawatan kerja rasmi ke Negeri Johor bermula hari ini sehingga 4 Februari 2023. Ini merupakan siri ketujuh YB Menteri bersama warga Kementerian di peringkat negeri selepas lawatan ke Sarawak, Perlis, Melaka, Negeri Sembilan, W.P. Labuan dan Sabah.

2. Pada sesi lawatan kali ini, YB Menteri telah hadir ke Majlis Perjumpaan dan Amanat bersama 500 warga Kementerian Negeri Johor dan program ini telah berlangsung di Auditorium Permata Sari, RTM. Datuk Aaron dalam amanatnya menjelaskan peranan besar yang dimainkan oleh Kementerian dalam membangunkan Malaysia MADANI. Enam tonggak dasar Malaysia MADANI adalah Kemampunan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan dan Ihsan. Dalam hubungan ini, tonggak kedua (Kesejahteraan) dan keempat (Hormat) sangat berkait rapat dengan peranan dan fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara.

3. Sebagai usaha membina, memperkuuh serta memelihara perpaduan dan integrasi nasional, pelaksanaan program-program Kementerian akan memberi fokus kepada aspek-aspek seperti berikut:

i) **Pengukuhan jatidiri dan semangat patriotisme**

Penghayatan terhadap prinsip Rukun Negara dan semangat cinta kepada tanah air akan terus diperhebat kepada semua peringkat organisasi dan lapisan masyarakat yang bermula daripada kanak-kanak, pelajar sekolah dan institut pengajian tinggi sehingga ke organisasi awam mahupun swasta. Kementerian bersama seluruh agensi dan jentera perpaduan termasuk Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS), Kawasan Rukun Tetangga (KRT), Tabika Perpaduan, Kelab Rukun Negara, Sekretariat Rukun Negara, dan *Friends of Unity* (FoU) akan terlibat sama dalam menjayakan program-program ini.

ii) Peningkatan nilai permuafakatan rentas etnik

Pelbagai inisiatif silang budaya akan diperkenalkan bagi menyemarakkan semangat perpaduan dan meneroka lebih banyak tapak integrasi yang boleh menyatupadukan masyarakat. Platform ini juga membuka ruang kepada rakyat yang berbilang kaum, bangsa dan agama untuk saling mengenali dan menghormati antara satu sama lain. Program-program berunsurkan *feel good factor* akan dilaksanakan bagi mengeratkan lagi jalinan muhibah antara kaum.

iii) Pemerkaasaan ekonomi dan kesejahteraan komuniti

Usaha membina komuniti mampan dan sejahtera khususnya melalui peranan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) akan terus diperkasa oleh Kementerian. Inisiatif Komuniti Rahmah bagi melahirkan masyarakat yang penuh dengan sifat kasih sayang dan amalan bertoleransi juga menjadi fokus utama Kementerian dalam merealisasikan aspirasi Malaysia MADANI.

4. “Kementerian akan mempergiat usaha pembangunan sosioekonomi dan pemerkaasaan komuniti ke arah meningkatkan pendapatan dan membantu menangani kos sara hidup.” Jelas Datuk Aaron.

5. YB Menteri dalam amanatnya turut menyarankan agar kerjasama strategik yang lebih kreatif dan proaktif dapat diperluaskan lagi khususnya menerusi inisiatif pintar bersama pihak kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan. Usaha ini adalah bagi meningkatkan lagi kesejahteraan sosial dan pemerkaasaan ekonomi komuniti, selari dengan tonggak dasar yang digariskan dalam membangun Malaysia MADANI.

Kementerian Perpaduan Negara

3 Februari 2023

-TAMAT-

Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Keluarga Malaysia.

Pertanyaan media

Unit Komunikasi Korporat,

Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 569

E-mail: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (167)